

TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH

ABDULLAH

PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP

PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE

(ACO)

**MALAM APRESIASI RAKAN KORPORAT
MYANGKASA AMANAH BERHAD
(MAAB) 2022**

**27 JANUARI 2023 (JUMAAT)
8.00 MALAM**

GRAND BALLROOM, PULLMAN KUALA LUMPUR BANGSAR

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Koperasi.

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

**Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang Saya Hormati
Sekalian**

1. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua tetamu yang hadir pada malam ini. ANGKASA selaku penaung sepenuhnya MAAB, mengucapkan ribuan tahniah kepada MAAB atas kejayaan menganjurkan Malam Apresiasi

Rakan Korporat MyANGKASA Amanah Berhad (MAAB) 2022 pada malam ini.

2. Saya amat berbangga melihat kejayaan demi kejayaan yang telah dilakar oleh MyANGKASA Amanah Berhad bermula dari awal

penubuhan syarikat sehingalah ke saat ini. Saya juga sentiasa mengikuti segala perkembangan dan pencapaian MAAB dengan usaha sama pelbagai institusi korporat dan koperasi. Kejayaan yang dicapai pada hari ini adalah hasil usaha bersama antara rakan niaga dan

MAAB.

3. Untuk makluman, tujuan utama malam apresiasi ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan atas segala usaha dan kerjasama dari semua pihak, terdiri daripada sektor perbankan seperti Bank Simpanan

Nasional (BSN), Bank Pertanian Malaysia (AGROBANK), Bank Kerjasama Rakyat (BKRM), Bank Muamalat, Co-op Bank Pertama, sektor koperasi seperti Kobanas dan KPDRM, sektor GLC seperti Tekun Nasional, rakan-rakan niaga premium, rakan niaga strategik yang

lain serta vendor-vendor, barisan lembaga pengarah dan kumpulan ANGKASA sendiri.

4. Harapan saya dengan adanya anugerah penghargaan kepada rakan niaga pada malam ini, dapat menaikkan lagi semangat semua

pihak untuk meningkatkan jualan pada masa akan datang selain untuk mengeratkan silaturahim sesama kita.

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati

Sekalian

5. Sebagai perkongsian pada malam ini, MAAB telah berjaya mencapai sasaran 2022 lebih awal, iaitu pada bulan Jun 2022, menjadikan jumlah pendapatan kasar keseluruhannya sebanyak

RM10.47 juta. Ini menjadikan keuntungan akhir tahun 2022 meningkat sebanyak **95%** berbanding tahun 2021.

6. Antara sasaran masa hadapan ANGKASA adalah untuk menjadikan

MAAB sebagai penyedia utama bagi perancangan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia seterusnya dapat menyelesaikan masalah harta pusaka terbeku akibat gagal menyelesaikan urusan pentadbiran harta pusaka.

7. Besar harapan saya, semoga jaringan dan kerjasama MAAB dengan semua rakan korporat yang hadir hari ini diteruskan pada tahun 2023 selaras untuk mencapai sasaran dan tema bajet MAAB, iaitu “Ke Arah Pengukuhan Jaringan Perniagaan MAAB”.

8. Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada ahli lembaga pengarah, pengurusan dan warga kerja MAAB, rakan niaga korporat serta semua yang hadir pada majlis malam ini.

9. Justeru, saya memberi ruang agar majlis malam ini diteruskan dengan agenda yang selanjutnya. Dengan ini, saya merasmikan Malam Apresiasi Rakan Korporat MyANGKASA Amanah Berhad 2022.

Sekian, terima kasih.